

TERMA & SYARAT YANG MENGAWAL PENYEWAAN PETI SIMPANAN KESELAMATAN
(Tarikh Kuat Kuasa : 01.01.2023)

1. Takrif

Dalam terma dan syarat ini, ungkapan:

“**Perjanjian**” bermaksud, secara kolektif, “Perjanjian Penyewaan Peti Simpanan Keselamatan” dan “Terma dan Syarat yang Mengawal Penyewaan Peti Simpanan Keselamatan” seperti yang boleh dipinda, disemak dan/atau diubah oleh Bank pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.

“**Bank**” bermaksud Malayan Banking Berhad dan cawangannya di mana perkhidmatan penyewaan Peti disediakan.

“**Peti**” bermaksud Peti Simpanan Keselamatan seperti yang dipersetujui untuk disewa oleh Penyewa dalam Perjanjian ini.

“**Penyewa**” bermaksud orang sebenar atau kumpulan orang (diperbadankan atau tidak diperbadankan) yang menyewa Peti, dan termasuk mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Penyewa untuk mengendalikan dan mengakses Peti berdasarkan Mandat, atau mengikut mana-mana yang berkenaan, berdasarkan surat kuasa wakil. Jika Penyewa terdiri lebih daripada seorang, terma dan syarat ini hendaklah dianggap sebagai dibuat oleh dan mengikat mereka secara bersama dan berasingan; dan jika konteks menghendaki sedemikian, “Penyewa” dalam hal penyewaan bersama bermaksud:

- a. salah seorang daripada penyewa bersama, jika mod pengendalian Peti menetapkan bahawa salah seorang daripada penyewa bersama boleh mengendalikan dan mempunyai akses kepada Peti; atau
- b. apa-apa komposisi atau gabungan penyewa bersama yang dikehendaki, jika mod pengendalian Peti menetapkan bahawa komposisi atau gabungan penyewa bersama yang dikehendaki boleh mengendalikan dan mempunyai akses kepada Peti.

“**Perkara Ketaksovenan**” bermaksud perbuatan kebankrapan yang dilakukan oleh, atau penyampaian petisyen penggulungan atau pelantikan penerima kepada, Penyewa.

“**Pegawai Insolvensi**” bermaksud Pegawai Pemegang Harta, Pegawai Penerima, penyelesai, penerima atau pegawai seumpamanya yang lain, termasuk wakil mereka.

“**Mandat**” bermaksud:

- a. dalam hal Penyewa tunggal, mandat bertulis yang ditandatangani oleh Penyewa tunggal pada borang Bank, yang dengannya Penyewa tunggal memberikan kuasa kepada orang lain untuk mengakses Peti;
- b. dalam hal Penyewa bersama, mandat bertulis yang ditandatangani oleh semua Penyewa bersama pada borang, yang dengannya semua penyewa bersama memberikan kuasa kepada orang lain untuk mengakses Peti.

“**Kad Spesimen Peti Simpanan Keselamatan**” bermaksud Kad Spesimen Peti Simpanan Keselamatan yang ditandatangani oleh Penyewa semasa mengikat Perjanjian ini.

2. Penyewaan Peti

- 2.1. Untuk menyewa Peti, Penyewa dikehendaki membuat bayaran pendahuluan sewa tahunan berserta deposit untuk kunci dan hendaklah mengikat Perjanjian ini dengan Bank bagi penyewaan Peti di bawah terma dan syarat dalam dokumen ini. Deposit kunci tersebut akan dipulangkan kepada Penyewa semasa penamatkan Perjanjian ini tertakluk kepada pematuhan semua terma dan syarat Perjanjian ini oleh Penyewa dan dengan syarat bahawa pemulangan deposit kunci tersebut hanya akan dibuat jika Perjanjian ini diteruskan untuk tempoh tidak kurang daripada tiga (3) tahun berturut-turut. Bank boleh menyemak semula sewa tahunan yang perlu dibayar (sila rujuk Fasal 14 dokumen ini) dan semakan semula tersebut hendaklah berkuat kuasa dari tarikh tamat tempoh bermulanya pembayaran sewa berikutnya selepas tarikh kuat kuasa semakan tersebut.
- 2.2. Perjanjian ini tidak boleh menyebabkan Penyewa dikenakan apa-apa faedah yang lebih tinggi atau faedah lain selain daripada lesen untuk menggunakan Peti sepanjang tempoh penyewaan bagi penyimpanan barang daripada jenis yang sesuai menurut terma dan syarat ini.
- 2.3. Bank tidak boleh dianggap sebagai baili atau pemegang amanah bagi kandungan Peti atau mana-mana bahagiannya, dan juga tidak boleh terjejas oleh apa-apa notis atau oleh apa-apa amanah atau hak ekuiti yang berkait dengan kandungan tersebut atau mana-mana bahagiannya. Tertakluk kepada Fasal 3.10 dokumen ini, jenis dan nilai kandungan tersebut bukan urusan Bank.
- 2.4. Penyewa tidak dibenarkan untuk menyewakan Peti atau mana-mana bahagiannya, atau menyerahkan semua atau apa-apa hak atau obligasinya di bawah Perjanjian ini.
- 2.5. Penyewa bersetuju bahawa Bank boleh, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, sama ada sepanjang tempoh Perjanjian ini berkuat kuasa atau sebaliknya, memindahkan dan/atau menempatkan semula Peti ke dan/atau di mana-mana cawangan Bank yang lain atau mana-mana tempat lain seperti yang boleh ditentukan oleh Bank, dengan memberikan notis terdahulu kepada Penyewa sekurang-kurangnya 30 hari kalendar bagi pemindahan dan/atau penempatan semula tersebut tanpa memberikan apa-apa sebab bagi hal berkenaan.

3. Pengendalian, Akses dan Penggunaan Peti

- 3.1. Setiap Peti mempunyai dua set kunci, iaitu kunci ‘A’ (untuk pengunci ‘A’) yang akan disimpan oleh Bank, dan kunci ‘B’ (untuk pengunci ‘B’) yang akan diserahkan kepada Penyewa semasa pembayaran sewa tahunan dan deposit bagi kunci itu. Penyewa

berjanji untuk menyimpan kunci ‘B’ dengan penuh cermat. Sekiranya mana-mana kunci ‘B’ hilang, dicuri atau disalah letak, Penyewa hendaklah segera melaporkannya kepada Bank dan Bank boleh, atas permintaan Penyewa, mendapatkan pengunci ‘B’ baru bagi Peti. Melainkan dan sehingga Bank dimaklumkan sewajarnya tentang kehilangan kunci ‘B’, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang berpunca daripada Peti dibuka dan/atau kandungan dikeluarkan oleh mana-mana orang yang menunjukkan kunci dan menyamar sebagai Penyewa. Semua pemberaan yang perlu dibuat pada pengunci atau kunci hendaklah dilakukan secara khusus oleh tukang yang dilantik oleh Bank. Perbelanjaan dan kos yang timbul daripada kehilangan kunci dan apa-apa pemberaan akibat daripada penggunaan Peti selain bagi tujuan biasa dan munasabah, termasuk mendapatkan kunci baharu, jika perlu, hendaklah ditanggung oleh Penyewa.

- 3.2. Dalam hal Penyewa tunggal, hanya Penyewa dibenarkan mengakses Peti. Walau bagaimanapun, Penyewa boleh memberikan kuasa kepada orang lain untuk mengakses Peti berdasarkan Mandat, dan orang yang diberi kuasa tersebut dengan ini dianggap sebagai mempunyai kuasa penuh Penyewa untuk mengeluarkan atau berurusan dengan kandungan Peti, dengan menunjukkan kunci ‘B’ berserta tandatangan dan/atau cap ibu jarinya yang disahkan sehingga Bank berpuas hati.
- 3.3. Dalam hal penyewaan bersama, semua Penyewa bersama boleh:
 - 3.3.1. memberikan kebenaran secara bersama kepada Bank untuk membenarkan salah seorang Penyewa bersama (jika mod pengendalian Peti menetapkan bahawa salah seorang Penyewa bersama perlu mengendalikan dan mempunyai akses kepada Peti) atau apa-apa komposisi atau gabungan penyewa bersama yang dikehendaki (jika mod pengendalian Peti menetapkan bahawa komposisi atau gabungan penyewa bersama yang dikehendaki perlu mengendalikan dan mempunyai akses kepada Peti) untuk mengakses Peti dan mengeluarkan atau berurusan dengan kandungan Peti, dengan menunjukkan kunci ‘B’ berserta tandatangan dan/atau cap ibu jarinya yang disahkan sehingga Bank berpuas hati; dan/atau
 - 3.3.2. memberikan kebenaran secara bersama kepada orang lain (atau, apa-apa komposisi atau gabungan orang yang diberi kuasa yang dikehendaki) untuk mendapatkan akses kepada Peti mereka berdasarkan Mandat, dan orang yang diberi kuasa tersebut atau orang yang dengan ini dianggap mempunyai kuasa penuh semua Penyewa bersama untuk mengeluarkan atau berurusan dengan kandungan Peti, dengan menunjukkan kunci ‘B’ berserta tandatangan dan/atau cap ibu jari mereka yang disahkan sehingga Bank berpuas hati.
- 3.4. Mandat akan terus sah melainkan dan sehingga:
 - 3.4.1. Bank menerima notis sebenar tentang:
 - 3.4.1.1. pembatalan Mandat melalui notis bertulis daripada Penyewa tunggal, atau dalam hal penyewaan bersama, daripada semua Penyewa bersama (tertakluk kepada Fasal 3.5.2 dokumen ini);
 - 3.4.1.2. kematian Penyewa tunggal, atau dalam hal penyewaan bersama, kematian salah seorang daripada Penyewa bersama; atau
 - 3.4.1.3. kejadian Perkara Ketaksovenan ke atas Penyewa tunggal, atau dalam hal penyewaan bersama, ke atas salah seorang daripada Penyewa bersama; atau
 - 3.4.2. penamatan dengan kuat kuasa undang-undang.
- 3.5. Selain itu, dalam hal penyewaan bersama, apabila Bank dimaklumkan oleh salah seorang daripada Penyewa bersama tentang apa-apa pertikaian dalam kalangan Penyewa bersama berkaitan dengan atau yang timbul daripada:
 - 3.5.1. kebenaran bersama yang diberikan dalam Fasal 3.3.1 dokumen ini, Bank boleh menyifatkan pemberitahuan tersebut sebagai pembatalan kebenaran bersama, dan semua akses berikutnya kepada Peti oleh Penyewa bersama memerlukan arahan bertulis daripada semua Penyewa bersama yang lain; atau
 - 3.5.2. mandat yang diberikan dalam Fasal 3.3.2 dokumen ini, Bank boleh menyifatkan pemberitahuan tersebut sebagai pembatalan Mandat.
- 3.6. Bank berhak menolak atau menggantung hak Penyewa untuk mengakses Peti pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dan untuk jangka masa atau tempoh seumpamanya seperti yang difikirkan patut oleh Bank atas budi bicara mutlaknya, tanpa notis terdahulu kepada Penyewa dan tanpa memberikan apa-apa sebab bagi hal berkenaan.
- 3.7. Tanpa menjelaskan keluasan makna Fasal 3.6 dokumen ini, Bank berhak menolak atau menggantung hak Penyewa untuk mengakses Peti apabila berlakunya mana-mana kejadian yang berikut:
 - 3.7.1. terdapat tunggakan sewa Peti atau apa-apa jumlah yang terhutang dan perlu dibayar kepada Bank di bawah Perjanjian ini;
 - 3.7.2. Bank menerima notis sebenar tentang kematian Penyewa (atau dalam hal penyewaan bersama, salah seorang daripada Penyewa bersama);
 - 3.7.3. Bank menerima notis sebenar tentang kejadian Perkara Ketaksovenan ke atas Penyewa (atau dalam hal penyewaan bersama, salah seorang daripada Penyewa bersama);
 - 3.7.4. Bank menerima notis sebenar tentang apa-apa tindakan atau prosiding undang-undang atau apa-apa perintah mahkamah berkenaan dengan Peti dan/atau kandungannya;
 - 3.7.5. jika dikehendaki sedemikian oleh undang-undang atau untuk mematuhi mana-mana undang-undang.

- 3.8. Bank tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungan terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan, walau apa pun dan dengan apa jua cara, yang timbul daripada tindakan Bank menolak atau menggantung akses kepada Peti dalam apa-ja juga cara.
- 3.9. Penyewa boleh mendapatkan akses kepada Peti pada mana-mana hari perniagaan semasa waktu operasi Bank dengan menurunkan tandatangan dan/atau cap ibu jari pada borang permohonan untuk akses tersebut. Dalam hal penyewaan bersama, setiap Penyewa yang ingin mendapatkan akses kepada Peti pada satu-satu masa (tertakluk kepada mod pengendalian Peti) hendaklah menurunkan tandatangan dan/atau cap ibu jari pada permohonan tersebut untuk mendapatkan akses. Bank tidak akan terikat untuk membenarkan akses tersebut jika Bank tidak berpuas hati dengan pengesahan tandatangan dan/atau cap ibu jari; dan Bank tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungan terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang timbul daripada keenggan Bank membenarkan pemohon mengakses Peti atas sebab Bank tidak berpuas hati dengan ketulenan tandatangan dan/atau pengesahan cap ibu jari.
- 3.10. Penyewa memberikan pernyataan dan waranti kepada Bank bahawa barang yang disimpan di dalam Peti adalah daripada sumber yang sah di sisi undang-undang dan tidak menyalahi Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 atau perundangan serupa yang terpakai dalam bidang kuasa tempat barang itu diperoleh atau mana-mana undang-undang cukai yang terpakai ke atas penyewa. Selain itu, Penyewa tidak boleh menggunakan atau membenarkan Peti digunakan untuk apa-apa tujuan yang menyalahi undang-undang, atau bagi tujuan penyimpanan apa-apa cecair atau apa-apa sahaja bahan yang mempunyai sifat letupan, bahaya atau tidak menyenangkan, abu mayat, atau apa-apa sahaja yang, pada pendapat Bank, mendaraskan gangguan kepada Bank atau Penyewa mana-mana peti simpanan **keselamatan** yang lain, atau bagi apa-apa tujuan selain daripada menyimpan barang atau dokumen berharga. Penyewa bersetuju bahawa:
- 3.10.1. Penyewa akan, atas permintaan, membenarkan Bank memeriksa kandungan Peti untuk memastikan bahawa fasal ini dipatuhi;
- 3.10.2. Bank berhak menamatkan Perjanjian ini dengan serta-merta tanpa memberikan notis terdahulu sekiranya terdapat pelanggaran atau ketakpatuhan fasal ini;
- 3.10.3. Bank berhak, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, tanpa membuat permintaan atau memberikan notis kepada Penyewa, memecahkan Peti dan membuka apa-apa bungkusan atau bekas di dalam Peti dan membuka kunci atau memecahkan apa-apa bekas berkunci tanpa bertanggungjawab atau bertanggungan terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang berlaku, jika dikehendaki sedemikian oleh undang-undang atau untuk mematuhi mana-mana undang-undang atau jika Bank berpendapat bahawa Penyewa melanggar atau mungkin melanggar fasal ini. Bank hendaklah kemudiannya berhak untuk berurusan dengan semua atau apa-apa kandungan Peti atas budi bicaranya, atas perbelanjaan dan kos Penyewa tanpa bertanggungjawab atau bertanggungan terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan, walau apa pun dan dengan apa jua cara, yang dialami oleh Penyewa atau mana-mana orang lain yang berpuncak daripada tindakan itu.

4. Kematian Penyewa

4.1. Penyewa Tunggal

- 4.1.1. Jika berlaku kematian Penyewa, wakil peribadi sah Penyewa, dengan mengemukakan Geran Probet atau Surat Kuasa Mentadbir dan menurunkan tandatangan mereka pada borang permohonan dan dengan menunjukkan kunci 'B', boleh mengakses dan membuka peti serta mengeluarkan semua kandungan, dan tindakan ini dengan sendirinya akan menamatkan Perjanjian ini (jika Perjanjian tidak ditamatkan lebih awal).
- 4.1.2. Bank boleh, atas budi bicaranya tanpa bertanggungjawab atau bertanggungan terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan, sebelum Geran Probet atau Surat Kuasa Mentadbir dikeluarkan, membenarkan mana-mana orang yang mendakwa berhak mentadbir harta pusaka Penyewa yang telah meninggal dunia untuk membuka Peti (dengan menunjukkan kunci 'B') dan memeriksa kandungan di hadapan sekurang-kurangnya seorang pegawai Bank, tetapi individu tersebut tidak boleh mengeluarkan apa-apa kandungan kecuali apa-apa surat wasiat atau dokumen perwasiatan yang dengannya individu tersebut ialah wasi atau pentadbir yang dilantik, dan dalam hal tersebut, Bank boleh menyimpan salinan foto surat wasiat atau dokumen perwasiatan yang dikeluarkan.

4.2. Penyewa Bersama

- 4.2.1. Dengan ini dipersetujui bahawa jika berlaku kematian salah seorang daripada Penyewa bersama (dan apabila Bank menerima bukti berdokumen yang berkaitan) dan tanpa mengira mod pengendalian Peti:
- 4.2.1.1. Sebelum Geran Probet atau Surat Kuasa Mentadbir dikeluarkan:
- 4.2.1.1.1. Bank berhak menolak atau menggantung akses Penyewa bersama yang masih hidup kepada Peti;
- 4.2.1.1.2. Bank boleh, atas budi bicaranya tanpa bertanggungjawab atau bertanggungan terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan, membenarkan mana-mana Penyewa bersama yang masih hidup dan/atau mana-mana orang yang mendakwa berhak mentadbir harta pusaka Penyewa yang telah meninggal dunia untuk membuka Peti (dengan menunjukkan kunci 'B') dan memeriksa kandungan di hadapan sekurang-kurangnya seorang pegawai Bank, tetapi kandungan Peti tidak boleh dikeluarkan. Walau bagaimanapun, apa-apa surat wasiat atau dokumen perwasiatan boleh dikeluarkan oleh individu yang menjadi wasi atau pentadbir yang dilantik, dan dalam hal

tersebut, Bank boleh menyimpan salinan foto surat wasiat atau dokumen perwasiatan yang dikeluarkan itu;

- 4.2.1.2. Setelah Geran Probet atau Surat Kuasa Mentadbir dikeluarkan dan dengan mengemukakan salinan Geran Probet dan Surat Kuasa Mentadbir yang diakui sah kepada Bank, Peti hendaklah dibuka dan kandungannya hendaklah dikeluarkan di hadapan semua Penyewa bersama yang masih hidup dan wakil peribadi sah Penyewa yang telah meninggal dunia, dan tindakan ini dengan sendirinya akan menamatkan Perjanjian ini (jika Perjanjian tidak ditamatkan lebih awal).
- 4.2.2. Bank, dalam mematuhi Fasal ini, tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungan ke atas mana-mana Penyewa, wakil sah atau harta pusaka Penyewa yang telah meninggal dunia, atau mana-mana orang, terhadap apa-apa kerugian, kerosakan atau kemasuhan kandungan Peti walau apa pun sebabnya.

4.3. Keputusan Bank di bawah Fasal ini adalah yang terakhir dan muktamad dan tidak boleh dipertikaikan atas apa jua sebab.

5. Perkara Ketaksovenan/Kebankrapan/Penggulungan dll bagi Penyewa

- 5.1. Sekiranya Bank menerima notis sebenar tentang kejadian Perkara Ketaksovenan ke atas Penyewa (atau dalam hal penyewaan bersama, salah seorang daripada Penyewa bersama), Bank berhak menolak atau menggantung akses Penyewa (atau dalam hal penyewaan bersama, semua Penyewa bersama) kepada Peti. Walau bagaimanapun, Bank boleh, atas budi bicaranya tanpa bertanggungjawab atau bertanggungan terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan, membenarkan akses kepada Peti oleh Penyewa tunggal (atau dalam hal penyewaan bersama, oleh semua Penyewa bersama sahaja) dengan menunjukkan kunci 'B' untuk memeriksa kandungan di hadapan sekurang-kurangnya seorang pegawai Bank, tetapi kandungan Peti tidak boleh dikeluarkan.
- 5.2. Sekiranya Bank menerima notis sebenar tentang penyediaan perintah kebankrapan atau penggulungan atau pelantikan penerima ke atas Penyewa (atau dalam hal penyewaan bersama, salah seorang daripada Penyewa bersama), Bank berhak meneruskan salah satu perkara yang berikut atau lebih:
 - 5.2.1. memaklumkan Pegawai Insolvensi tentang kewujudan Peti;
 - 5.2.2. menolak atau menggantung akses Penyewa (atau dalam hal penyewaan bersama, semua Penyewa bersama) kepada Peti itu; walau bagaimanapun:
 - 5.2.2.1. dalam hal Penyewa tunggal, Bank boleh membenarkan Penyewa mengakses Peti, sama ada (a) di hadapan Pegawai Insolvensi dan pegawai bank yang dalam hal itu, Penyewa hanya boleh mengeluarkan atau berurus dengan kandungan Peti seperti yang dibenarkan oleh Pengawai Insolvensi, atau (b) sekiranya Penyewa mengemukakan kebenaran bertulis daripada Pegawai Insolvensi untuk membolehkan semua Penyewa bersama mengakses Peti dan mengeluarkan atau berurus dengan kandungan Peti yang dalam hal itu, Peti hendaklah dibuka dan kandungannya hendaklah dikeluarkan di hadapan semua penyewa bersama;
 - 5.2.2.2. dalam hal Penyewa bersama, Bank boleh membenarkan akses kepada Peti (oleh semua Penyewa bersama sahaja), sama ada (a) di hadapan Pegawai Insolvensi dan pegawai bank yang dalam hal itu, Penyewa hanya boleh mengeluarkan atau berurus dengan kandungan Peti seperti yang dibenarkan oleh Pengawai Insolvensi, atau (b) sekiranya Penyewa mengemukakan kebenaran bertulis daripada Pegawai Insolvensi untuk membolehkan semua Penyewa bersama mengakses Peti dan mengeluarkan atau berurus dengan kandungan Peti yang dalam hal itu, Peti hendaklah dibuka dan kandungannya hendaklah dikeluarkan di hadapan semua penyewa bersama;
 - 5.2.3. menamatkan Perjanjian ini dengan serta-merta tanpa notis terdahulu;
 - 5.2.4. memecahkan Peti dan membuka penutup apa-apa bungkus atau bekas di dalam Peti dan membuka kunci atau memecahkan apa-apa bekas yang berkunci tanpa bertanggungjawab atau bertanggungan terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang berlaku, menurut Fasal 10.2 dokumen ini atau jika dikehendaki sedemikian oleh undang-undang atau untuk mematuhi mana-mana undang-undang;
 - 5.2.5. tanpa menjelaskan Fasal 11 dokumen ini, menyerahkan semua atau apa-apa kandungan Peti kepada Pegawai Insolvensi, yang penerimaannya hendaklah dianggap sebagai pelunasan penuh dan mencukupi kepada Bank.

5.3. Keputusan Bank di bawah Fasal ini adalah yang terakhir dan muktamad dan tidak boleh dipertikaikan atas apa jua sebab.

6. Pembukaan Peti secara Paksa oleh Bank

- 6.1. Sekiranya Peti dibuka secara paksa oleh Bank dalam apa jua keadaan menurut terma dan syarat dalam dokumen ini atau jika dikehendaki sedemikian oleh undang-undang atau untuk mematuhi mana-mana undang-undang, hal tersebut akan dilakukan menurut tatacara yang diterima pakai oleh Bank sebagaimana yang boleh disemak semula dari semasa ke semasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada di hadapan saksi dan proses pembukaan secara paksa itu dirakam.
- 6.2. Senarai inventori yang disediakan dan disahkan oleh individu yang menyaksikan pembukaan Peti secara paksa hendaklah menjadi keterangan muktamad bagi semua tujuan (termasuk, tetapi tidak terhad kepada apa-apa tindakan dan prosiding undang-undang) bagi kandungan Peti pada masa Peti itu dibuka secara paksa.

7. Keterangan Keberhutangan

Penyata amaun yang terhutang dan perlu dibayar oleh Penyewa kepada Bank menurut terma dan syarat Perjanjian ini, yang disahkan sebagai betul oleh pegawai Bank hendaklah, tanpa kesilapan nyata, menjadi keterangan muktamad bahawa amaun tersebut sebenarnya terhutang dan perlu dibayar.

8. Notis

- 8.1. Apa-apa notis atau komunikasi di bawah atau berhubung dengan Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan boleh diserahkan dengan tangan atau melalui pos, ke alamat Penyewa seperti yang diberikan dalam Kad Spesimen Peti Simpanan **Keselamatan** atau alamat lain sebagaimana arahan bertulis dari semasa ke semasa oleh Penyewa kepada Bank berhubung dengan penggantiannya. Bukti pengiriman atau pengeposan apa-apa notis atau komunikasi hendaklah dianggap sebagai bukti penerimaan:
 - 8.1.1. sekiranya diserahkan dengan tangan, pada masa penyerahan;
 - 8.1.2. sekiranya dihantar melalui pos, pada hari ke-5 selepas pengeposan.
- 8.2. Pertukaran alamat tidak akan berkuat kuasa atau mengikat Bank, melainkan Penyewa telah memberikan notis pertukaran sebenar secara bertulis kepada Bank.

9. Penamatkan Perjanjian

- 9.1. Bank boleh menamatkan Perjanjian ini:
 - 9.1.1. pada bila-bila masa tanpa memberikan apa-apa sebab bagi penamatkan itu dengan memberikan notis terdahulu sekurang-kurangnya 30 hari kalender kepada Penyewa berhubung dengan penamatkan tersebut; atau
 - 9.1.2. dengan serta-merta menurut Fasal 3.10.2 dokumen ini; atau
 - 9.1.3. dengan serta-merta menurut Fasal 5.2.3 dokumen ini; atau
 - 9.1.4. apabila berlakunya mana-mana kejadian yang berikut:
 - 9.1.4.1. sekiranya sewa Peti itu tertunggak dan tidak dibayar selepas tarikh tamat tempoh;
 - 9.1.4.2. sekiranya berlaku apa-apa pelanggaran atau ketakpatuhan atau ketaklaksanaan mana-mana terma dan syarat ini pada pihak Penyewa;maka Bank, dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya 30 hari kalender kepada Penyewa, boleh menamatkan Perjanjian ini.
- 9.2. Penyewa boleh menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis penamatkan tersebut secara bertulis kepada Bank; dan dalam hal penyewaan bersama, notis penamatkan secara bertulis hendaklah ditandatangani oleh semua Penyewa bersama dan kandungan Peti hendaklah dikeluarkan di hadapan semua penyewa bersama.
- 9.3. Bank berhak untuk mendapatkan bahagian sewa sehingga tarikh penamatkan Perjanjian, walau bagaimanapun, tertakluk kepada Fasal 10 dan Fasal 11 dokumen ini, dan sekiranya sewa bagi tahun semasa telah dibayar dengan bahagian yang sepatutnya, pembayaran balik hendaklah dibuat oleh Bank.
- 9.4. Tertakluk kepada Fasal 11 dokumen ini, semasa penamatkan Perjanjian ini oleh Bank atau oleh Penyewa, semua harta yang disimpan di dalam Peti hendaklah dikeluarkan dan kunci 'B' hendaklah dipulangkan kepada Bank.

10. Kunci Tidak Dipulangkan dan Kandungan Peti Tidak Dikeluarkan

- 10.1. Sekiranya kandungan Peti tidak dikeluarkan dan kunci 'B' tidak dipulangkan kepada Bank semasa atau sebelum penamatkan Perjanjian, Penyewa hendaklah bertanggungan untuk membayar kepada Bank sewa biasa dari tarikh tamat tempoh pembayaran sewa sehingga kandungan Peti dikeluarkan sepenuhnya dan kunci 'B' dipulangkan kepada Bank.
- 10.2. Tanpa menjelaskan Fasal 3.10.3 dan Fasal 5.2.4 dokumen ini, sekiranya kunci 'B' tidak dipulangkan kepada Bank dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh penamatkan Perjanjian, Bank berhak pada bila-bila masa kemudian daripada itu untuk memecahkan Peti dan membuka penutup apa-apa bungkusan atau bekas di dalam Peti dan membuka kunci atau memecahkan apa-apa bekas yang berkunci tanpa bertanggungjawab atau bertanggungan terhadap kerugian atau kerosakan yang berlaku.
- 10.3. Tertakluk kepada Fasal 11 dokumen ini, Bank boleh, kemudian daripada itu, atas perbelanjaan dan kos Penyewa dan tanpa bertanggungjawab atau bertanggungan terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang mungkin berlaku:
 - 10.3.1. menghantar kandungan Peti melalui pos berdaftar atau kaedah lain yang munasabah atas risiko Penyewa, ke alamat Penyewa seperti yang diberikan dalam Kad Spesimen Peti Simpanan **Keselamatan** atau alamat lain sebagaimana arahan bertulis dari semasa ke semasa oleh Penyewa kepada Bank berhubung dengan penggantiannya, atau dalam hal penyewaan bersama, ke alamat salah seorang daripada Penyewa bersama seperti yang diberikan dalam Kad Spesimen Peti Simpanan **Keselamatan** atau alamat lain sebagaimana arahan bertulis dari semasa ke semasa oleh Penyewa kepada Bank berhubung dengan penggantiannya, dan kandungan Peti hendaklah dianggap telah diserahkan atau dihantar kepada dan diterima oleh semua Penyewa bersama; dan/atau
 - 10.3.2. atas pilihan Bank, memegang dan menyimpan kandungan Peti, di dalam peti besi atau tempat lain seumpamanya yang difikirkan sesuai atas risiko Penyewa sendiri; dan Bank berhak mengutip caj dan sewa yang perlu dibayar dalam dokumen ini untuk tempoh bermula dari tarikh tamat tempoh pembayaran sewa sehingga Bank menghantar kandungan

Peti kepada Penyewa atau sehingga Penyewa mengeluarkan kandungan Peti, mengikut mana-mana yang lebih awal; dan/atau

- 10.3.3. melupuskan kandungan Peti mengikut cara yang difikirkan sesuai oleh Bank atas budi bicaranya, termasuk tetapi tidak terhad kepada penjualan (lelongan awam atau jualan persendirian), pemusnahan, penyerahan kepada polis atau kepada mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan.

11. Pewujudan Lien atau Cagaran

- 11.1. Bank akan mendapatkan lien atau cagaran ke atas kandungan Peti untuk bayaran sewa dan semua jumlah yang dengannya Penyewa bertanggungan kepada Bank di bawah Perjanjian ini.
- 11.2. Bank berhak pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, selepas tamat tempoh enam (6) bulan yang dirujuk dalam Fasal 10.2 dokumen ini, tanpa memberikan notis kepada Penyewa, menjual semua atau apa-apa kandungan Peti pada harga tertentu dan dengan cara tertentu serta terma dan syarat seperti yang dianggap sesuai oleh Bank dan menggunakan hasil bersih dalam dan untuk menyelesaikan wang yang terhutang kepada Bank di bawah Perjanjian ini. Semua perbelanjaan dan kos yang ditanggung, berhubung dengan atau berkaitan dengan penjualan, hendaklah ditanggung oleh Penyewa.
- 11.3. Lebihan hasil jualan (jika ada) boleh dipegang oleh Bank atas arahan Penyewa tanpa apa-apa liabiliti pada pihak Bank terhadap faedah, atau dikirimkan atau dihantar kepada Penyewa mengikut apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh Bank.
- 11.4. Bank tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungan terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang mungkin berlaku melalui penjualan dalam dokumen ini.

12. Penyampaian Proses Undang-undang

- 12.1. Penyampaian apa-apa proses undang-undang menurut mana-mana peraturan mahkamah boleh dibuat melalui pos berdaftar prabayar yang dihantar ke alamat yang diberikan oleh Penyewa dalam Kad Spesimen Peti Simpanan Keselamatan atau ke alamat lain sebagaimana arahan bertulis dari semasa ke semasa oleh Penyewa kepada Bank berhubung dengan penggantiannya. Proses undang-undang tersebut hendaklah dianggap sebagai telah disampaikan sewajarnya:
- 12.1.1. sekiranya diserahkan dengan tangan, pada masa penyerahan;
- 12.1.2. sekiranya dihantar melalui pos berdaftar prabayar, pada hari ke-5 selepas pengeposan.
- 12.2. Pertukaran alamat tidak akan berkuat kuasa atau mengikat Bank, melainkan Penyewa telah memberikan notis pertukaran sebenar secara bertulis kepada Bank.

13. Pengecualian Liabiliti

- 13.1. Bank tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungan ke atas Penyewa bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Penyewa atau mana-mana orang lain akibat daripada kemusnahan atau kehilangan atau kerosakan kandungan Peti yang timbul secara langsung atau tidak langsung akibat daripada:
- 13.1.1. kehilangan kunci Penyewa;
- 13.1.2. tindakan individu menyamar sebagai Penyewa atau orang yang diberi kuasa;
- 13.1.3. kecuaian pekerja, kakitangan atau ejen Bank;
- 13.1.4. kebakaran atau letupan;
- 13.1.5. bencana alam atau bencana lain termasuk kebakaran dan banjir serta apa-apa bencana alam;
- 13.1.6. samun, rompakan, kecurian, kemasukan secara paksa atau haram atau pecah masuk;
- 13.1.7. pelaksanaan apa-apa hak, kuasa atau remedи oleh Bank di bawah mana-mana peruntukan Perjanjian ini;
- 13.1.8. pematuhan Bank terhadap apa-apa perintah, waran, arahan, notis atau tuntutan yang dikeluarkan atau diberikan oleh mana-mana pihak berkuasa atau ejen kerajaan, berkanun, kawal selia atau penguatkuasaan yang kompeten menurut mana-mana undang-undang dan/atau peraturan bertulis; atau
- 13.1.9. apa-apa keadaan di luar kawalan Bank, pekerja, kakitangan atau ejennya.
- 13.2. Penyewa mengakui bahawa mereka bertanggungjawab untuk memastikan bahawa kandungan Peti yang disimpan oleh mereka mempunyai perlindungan insurans yang mencukupi dan memadai daripada Syarikat Insurans pilihan mereka.
- 13.3. Penyewa bersetuju dan mengakui bahawa sekiranya Bank bertanggungan terhadap Penyewa di bawah Perjanjian ini, liabiliti agregat maksimum Bank kepada Penyewa (atau dalam hal penyewaan bersama, semua Penyewa bersama) hendaklah tidak melebihi RM10,000 bagi semua kehilangan atau kerosakan kandungan Peti dan bagi apa-apa kerugian sama ada secara langsung, tak langsung, boleh diramal, tak nyata, berturutan atau selainnya. Penyewa selanjutnya bersetuju bahawa fasal ini hendaklah terpakai sama ada Penyewa memulakan tindakan undang-undang atau tidak atau membuat tuntutan kepada Bank bagi kerugian tersebut menurut Perjanjian ini.

14. Perubahan Terma dan Syarat

- 14.1. Bank berhak menambah, mengubah suai atau menghapuskan mana-mana terma dan syarat dalam dokumen ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender sebelum melaksanakan perubahan. Perubahan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis itu. Dalam situasi apabila perubahan dibuat menurut undang-undang atau peraturan, bersifat pentadbiran atau bagi tujuan penjelasan, notis dengan tempoh yang lebih singkat atau notis segera akan diberikan kepada Penyewa.
- 14.2. Notis di bawah Fasal 14.1 dokumen ini boleh diberikan kepada Penyewa dalam mana-mana cara yang berikut:

- 14.2.1. memaparkan notis di premis atau laman web Bank; atau
- 14.2.2. notis diserahkan kepada Penyewa menurut Fasal 8 dokumen ini; atau
- 14.2.3. iklan dalam akhbar utama yang dipilih oleh Bank; atau
- 14.2.4. mel elektronik; atau
- 14.2.5. apa-apa cara pemberitahuan lain menurut mana-mana undang-undang/peraturan Bank Negara Malaysia dan/atau badan kawal selia berkaitan yang lain yang terpakai .

14.3. Penggunaan Peti secara berterusan oleh Penyewa selepas tarikh kuat kuasa yang dinyatakan dalam notis hendaklah dianggap membentuk penerimaan perubahan tersebut; dan sekiranya Penyewa tidak menerima perubahan tersebut, Penyewa hendaklah segera menamatkan Perjanjian ini menurut Fasal 9.2 dokumen ini.

15. Penepian

Masa menjadi asas dalam Perjanjian ini, tetapi kegagalan atau kelewatan pada pihak Bank dalam melaksanakan apa-apa hak, kuasa atau remedi di bawah Perjanjian ini atau di bawah undang-undang tidak akan ditafsirkan sebagai penepiannya, dan apa-apa pelaksanaan tunggal atau separa apa-apa hak, kuasa atau remedi tidak boleh menghalang pelaksanaan apa-apa hak, kuasa atau remedi yang lain atau seterusnya. Hak, kuasa dan remedi yang diperuntukkan dalam dokumen ini adalah kumulatif dan tidak eksklusif bagi apa-apa hak, kuasa, hak atau remedi lain yang diperuntukkan oleh undang-undang dan hanya boleh diketepikan melalui penepian khusus secara bertulis.

16. Cukai

Apa-apa cukai jualan dan perkhidmatan atau levi yang pada masa ini atau selepas ini dikenakan oleh undang-undang atau perlu dibayar berhubung dengan apa-apa wang yang perlu dibayar kepada atau akan diterima oleh Bank bagi apa-apa perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Bank (kecuali yang dilarang oleh undang-undang) hendaklah ditanggung oleh Penyewa. Penyewa bersetuju bahawa Bank berhak mendebit akaun perbankan Penyewa untuk cukai atau levi tersebut yang perlu dibayar oleh Penyewa. Sekiranya pendebitan tersebut menyebabkan akaun perbankan Penyewa terlebih keluar, faedah pada kadar lazim Bank akan dikenakan sewajarnya kepada Penyewa.

17. Undang-Undang yang Mengawal

Perjanjian ini hendaklah dikawal dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Penyewa bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

18. Sekatan

Penyewa (atau dalam hal penyewaan bersama, setiap penyewa) mengesahkan dan mengakui bahawa dia tidak dikenakan apa-apa arahan atau perintah sekatan yang dilaksanakan atau dikuatkuasakan dari semasa ke semasa oleh Malaysia, Amerika Syarikat (khususnya sekatan yang dilaksanakan melalui Pejabat Kawalan Aset Asing (*Office of Foreign Assets Control* atau OFAC)) Jabatan Perbendaharaan Amerika Syarikat, Majlis Keselamatan Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah atau pihak berkuasa lain terhadap mana-mana individu atau entiti yang berada, berurusan atau menetap di negara atau wilayah yang ditetapkan.
